

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



# MENGHAYATI *ENSERA* MENGGUNAKAN TEKNIK BERLAKON DI DALAM KELAS

## *APPRECIATE ENSERA USING ACTING TECHNIQUES IN THE CLASSROOM*

Doratya Gerry<sup>1\*</sup>, Chemaline Osup<sup>2</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: [doratyagerry94@gmail.com](mailto:doratyagerry94@gmail.com)
- <sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: [chemaline@fbk.upsi.edu.my](mailto:chemaline@fbk.upsi.edu.my)
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**  
Received date: 22.11.2020  
Revised date: 10.12.2020  
Accepted date: 15.12.2020  
Published date: 24.12.2020

**To cite this document:**

Gerry, D., & Osup, C. (2020). Menghayati *Ensera* Menggunakan Teknik Berlakon Di Dalam Kelas. International Journal of Modern Education, 2(7), 166-179.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.270012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

**Abstrak:**

Pengaruh persekitaran bilik darjah merupakan elemen yang sangat penting kerana dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Iban di sekolah terutamanya minat terhadap kesusasteraan Iban. Aktiviti yang menyeronokkan seperti menggunakan teknik berlakon dalam pengajaran dan pembelajaran *ensera* (cerita rakyat Iban), mampu mengasah bakat pelajar dari aspek bidang seni lakonan serta dapat membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Teknik berlakon merupakan satu aktiviti yang amat digemari kerana pelajar boleh belajar sambil menghiburkan hati pelajar. Teknik ini dapat dijalankan jika guru berkebolehan dan berupaya menyediakan skrip lakonan atau dialog pendek dalam *ensera* dengan jalan cerita yang menarik dan meminta pelajar untuk membaca dan mengingat dialog tersebut. Aktiviti ini dapat melahirkan unsur penghayatan termasuklah perwatakan, gaya bahasa, nilai, keindahan, unsur budaya dan seumpamanya. Dengan itu, pelajar-pelajar Iban dapat menghayati *ensera* dengan baik dan mampu menguasainya. Kaedah kajian menggunakan kaedah lapangan memanfaatkan tiga jenis kaedah penyelidikan iaitu kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan rakaman video. Dapatan kajian menunjukkan peranan penghayatan *ensera* melalui teknik berlakon dalam konteks pengajaran dan pembelajaran digunakan sepenuhnya dalam bilik darjah. Implikasinya ialah pelajar boleh memberikan pendapat yang sangat bernas dari aspek ilmu pengetahuan, pengalaman sedia ada, penikmatan dan penghayatan, dan mendorong minat pelajar dalam pengajaran bahasa Iban dengan penghayatan *ensera*.

**Kata Kunci:**

Cerita Rakyat Iban, *Ensera*, Teknik Berlakon

**Abstract:**

The influence of the classroom environment is a very important element because it can influence students' interest in Iban Language subjects in school, especially interest in Iban literature. Fun activities such as using acting techniques in teaching and learning *ensera* (Iban folklore), able to hone students' talents from the field of acting and can form a balanced human being in terms of intellectual, spiritual, emotional, and physical. Acting technique is a very popular activity because students can learn while entertaining students. This technique can be carried out if the teacher is able and able to provide an acting script or short dialogue in *ensera* with an interesting storyline and ask students to read and remember the dialogue. This activity can give birth to elements of appreciation including character, language style, values, beauty, cultural elements, and the like. Thus, Iban students can appreciate *ensera* well and are able to master it. The research method using the field method utilizes three types of research methods namely semi-structured interview method, observation, and video recording. The findings of the study show that the role of *ensera* appreciation through acting techniques in the context of teaching and learning is fully used in the classroom. The implication is that students can give very thoughtful opinions in terms of knowledge, existing experience, enjoyment, and appreciation, and encourage students' interest in teaching Iban language with an appreciation of *ensera*.

**Keywords:**

Iban Folklore, *Ensera*, Acting Technique

**Pengenalan**

Pengajaran merupakan satu proses penyampaian ilmu pengetahuan, membimbing, memberi galakkan, meningkatkan kemahiran murid serta meningkatkan keyakinan murid (Magdeline Anak Nor dan Zamri Mahamod 2016). Pengajaran yang berkesan biasanya akan menggunakan teknik yang menarik bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar tidak mudah berasa bosan. Dalam pengajaran *ensera*, penghayatan amat penting kepada pelajar supaya dapat mendalami isi cerita yang disampaikan. *Ensera* ialah cerita rakyat masyarakat Iban suatu ketika dahulu. Cerita ini membawa kisah kepahlawanan wira-wira dari Panggau Libau ("the raised world"). Penyampaian *ensera* atau *sera* biasanya dilagukan tetapi diselang-seli dengan sedikit penerangan dan perbualan dalam bentuk prosa (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 43). *Ensera* adalah puisi naratif yang amat panjang. Hal ini demikian kerana *ensera* mempunyai 30,000 baris ayat sehingga mengambil masa bermalam-malam untuk menyelesaikannya, kerana jalan ceritanya perlu diikuti dari awal hingga akhir. Keseronokan pendengar bergantung kepada kemahiran bercerita, lenggokkan lagu yang disampaikan dan suara pencerita. Pada masa itu, *ensera* berperanan sebagai alat untuk meringankan beban kerja dan secara tidak langsung mengeratkan silaturahim masyarakat di rumah panjang sambil memberi hiburan sebagai pendengar dan dapat menghilangkan rasa bosan dan letih sewaktu melakukan pekerjaan.

Walau bagaimanapun *ensera* seperti ini tidak digunakan oleh pelajar semasa di dalam bilik darjah kerana kekangan masa guru, kurangnya pengetahuan terhadap ilmu *ensera* dan sikap malu pelajar semasa menyampaikan *ensera*. Pengajaran Bahasa Iban dalam penghayatan *ensera* hanyalah disampaikan begitu sahaja (bercerita) dengan menyelitkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam satu cerita. Para pelajar hanya mengetahui serba sedikit ilmu tentang

*ensera*. Kearifan guru Bahasa Iban dalam mengajar *ensera* perlu ditingkatkan lagi dari segi teknik pengajaran Bahasa Iban. Hal ini demikian kerana penguasaan murid terhadap *ensera* bergantung kepada cara seseorang guru itu menyampaikannya meskipun gaya penyampaian tidak sama dengan pencerita satu ketika dahulu. Oleh itu, penghayatan terhadap *ensera* melalui teknik berlakon adalah satu langkah yang wajar bagi menarik minat pelajar dan seterusnya meningkatkan pemahaman pelajar khususnya terhadap unsur budaya Iban yang kaya dengan nilai-nilai murni.

### Kajian Literatur

Penghayatan merupakan sesuatu pengalaman yang dikaji mengikut tanggapan daripada pembaca itu sendiri. Setiap individu mempunyai pengalaman tersendiri iaitu hasil daripada pengalaman yang dilalui dan nilainya terhadap jalan cerita yang dibaca. Pendapat Goodman menekankan sesuatu yang dialami oleh pembaca dan melihat sejauh mana seseorang pembaca itu dapat menghayati rakaman penulis melalui bahasa yang disampaikan. Mengalami-menghayati menekankan “penikmatan” di mana sesuatu aspek kesusasteraan yang dipelajari itu dapat di rasakan dan dihayati sepenuhnya. Biasanya penghayatan itu bergantung kepada pengalaman-pengalaman pelajar dan pengalaman ini digunakan untuk mendapat sesuatu pengalaman baru. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan, pelajar-pelajar didedahkan kepada beberapa persoalan di dalam sesuatu aspek yang dikaji dan langkah ini disusuli dengan aktiviti mentafsir persoalan-persoalan itu sehingga dapat merasakan jalan cerita yang terdapat pada bahan bacaan mereka (Kamarudin Hj Hussin, 1988, p. 234). Dengan ini, penghayatan *ensera* melalui teknik berlakon ialah satu langkah yang wajar dalam konteks pengajaran.

Dari aspek makna *ensera* pula, bermaksud cerita rakyat bagi masyarakat Iban di rumah panjang suatu ketika dahulu dan dijadikan sebagai hiburan kepada mereka sambil melakukan pekerjaan bersama-sama agar pekerjaan yang dilakukan tidak mengambil masa yang lama untuk menyelesaikannya. Ini kerana *ensera* merupakan satu cerita yang agak panjang dan mengambil masa untuk menyelesaikannya (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013). Namun, kajian berkaitan dengan karya sastera terutamanya *ensera* masyarakat Iban masih kurang dan terhad. Usaha-usaha untuk mengumpul, mendokumentasikan dan menterjemah warisan yang amat berharga seperti *ensera*, hanya dilakukan di beberapa kawasan di Sarawak. Pendapat Chemaline Osup (2013), hanya beberapa informan telah ditemui dan persembahan *ensera* dirakamkan tetapi teksnya tidak cukup mantap untuk diterbitkan. Berdasarkan pendapat tersebut, kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran masih lagi perlu diterokai dengan lebih mendalam untuk menghasilkan cara pengajaran yang sesuai dan menarik semasa mengajar *ensera*. *Ensera* juga membawa tema sebuah asmara selain tema tentang kepahlawanan, kebaktian, pengembaraan, dan pertarungan. Menurut Noriah Taslim dan Chemaline Osup (2013, p. 24) cerita asmara yang ditokok tambah dalam karya sastera ini dengan memuatkan kisah pengembaraan wira dan wirawati. Hal ini akan menjadikan dunia *ensera* bersifat lebih meriah dan berwarna-warni dan dipenuhi dengan episod-episod yang mendebarkan seperti pertembungan dengan hantu-hantu atau makhluk halus dan sebagainya. Bagi menjiwai sifat ini peranan guru amat diperlukan untuk memberi idea baharu dari aspek teknik pengajaran yang lebih mantap bagi mengajar sastera Iban khususnya agar pelajar dapat menjiwai pembelajaran dengan berkesan.

Menurut Normiati Batjo dan Abdul Said Ambotang, (2019) bagi menghasilkan satu proses pengajaran yang berkualiti, ia melibatkan penyusunan seperti merancang, melaksana dan

menilai pengajaran dalam sesuatu keadaan yang mana terdapat rintangan atau halangan yang perlu diatasi oleh individu. Ini bermakna pelaksanaan pengajaran adalah memberikan pengetahuan dan kemahiran, di samping membentuk dan mengembangkan nilai yang diperlukan oleh individu bagi melakukan tugas pembelajaran. Pengajaran yang berkualiti bergantung kepada kemampuan guru merancang episod pembelajaran ke arah matlamat pendidikan yang dikehendaki.

Guru memainkan peranan penting dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran sewaktu berada di dalam kelas. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pelajar mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih seronok terutamanya dalam komponen pengajaran sastera terutamanya pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera*. Dunia pendidikan masa kini menuntut tenaga pengajar agar lebih kreatif dan kritis dalam mengendalikan pengajaran mereka melalui pelbagai pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang profesional. Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran guru memberi impak besar dalam menggerakkannya sama ada aktiviti di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Guru perlu bijak mengatur strategi mengikut keperluan individu atau kumpulan. Menurut Zamri Mahamod dan Jamilah Hassan (2018, p. 42), guru juga perlu memulakan inovasi yang baharu dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini dan tidak berpegang kepada peranan guru yang terdahulu iaitu sebagai penyampai pengetahuan, gurulah yang banyak bercakap dan menyoal, tetapi kini peranan guru lebih penting sebagai pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran contohnya guru perlu lebih sedia dan peka mewujudkan dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Dengan ini guru sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar subjek yang diajar lebih menarik minat pelajar.

Di dalam bilik darjah, interaksi lisan antara guru dan murid serta murid dan murid merupakan satu medium yang berkesan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran lisan murid-murid. Penguasaan dalam kemahiran bertutur sangat penting sama ada dalam situasi formal mahupun tidak formal kerana kemahiran ini mempengaruhi pencapaian dalam kemahiran menulis dan membaca murid-murid (Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017). Oleh itu, setiap guru mempunyai cara mengajar atau kaedah mengajar yang tersendiri. Cara mengajar yang diamalkan oleh setiap guru adalah tidak sama di antara satu sama lain. Guru yang mengamalkan kaedah mengajar yang dianggap paling sesuai dan selesa iaitu melalui kreativiti guru itu sendiri.

Walau bagaimanapun mengikut kajian yang dibuat, mungkin terdapat teknik pengajaran tertentu yang boleh dimantapkan lagi serta diamalkan oleh para pengajar. Tuan Jah Tuan Yusof dan Faridah Nazir (2011) melalui 'Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu', teknik pengajaran merupakan taktik atau cara-cara yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera yang maksimum ketika menyampaikan sesuatu pengajaran. Teknik ini dicipta dan ditentukan sebelum pelaksanaan pengajaran. Setiap teknik yang digunakan adalah selaras dengan kaedah yang digunakan dan sejajar pula dengan pendekatan yang dipegang. Teknik pengajaran juga boleh dirujuk sebagai alat yang digunakan oleh guru bahasa untuk menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih untuk murid-muridnya. Bertitik tolak daripada itu, pengajaran berkesan biasanya akan melibatkan penggunaan teknik atau kaedah untuk melicinkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah atau teknik yang sering digunakan seperti kaedah sumbang saran, tunjuk cara (demonstrasi), simulasi atau kaedah pengajaran kumpulan, perbincangan atau kaedah penyelesaian masalah, audio lingual, kod kognitif, dan kaedah projek (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 42). Pelbagai kaedah atau teknik seperti

ini dapat melahirkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bagi guru bahasa Iban dengan kepakaran terhadap bahan pengajaran, keperluan bahan pengajaran, pedagogi dan strategi atau kaedah dan kemahiran berkomunikasi yang sedia ada. Di samping itu, kekurangan guru daripada bidang pengkhususan bahasa Iban masih lagi tidak mencukupi. Pihak sekolah hanya memberi arahan kepada guru yang berbangsa Iban mengajar mata pelajaran tersebut. Kesannya, pengetahuan ilmu dalam bahasa Iban tidak begitu mantap dalam bidang pengajaran. Menurut Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), belum ada guru yang menguasai pengetahuan mata pelajaran Bahasa Iban secara formal di pusat-pusat latihan perguruan, dalam perkataan lain semua guru bahasa Iban bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Iban. Walau bagaimanapun, guru yang sedang berkhidmat diharapkan telah menguasai pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) untuk menyampaikan pengajaran mereka. Oleh itu, pendapat ini dapat memberikan peranan penting di dalam kajian ini untuk menerokai pengetahuan guru terhadap pedagogi bahasa Iban khususnya dari strategi pengajaran guru dalam penghayatan *ensera* di dalam bilik darjah.

Selain itu, pendapat Shamsudin Othman, Ghazali Lateh dan Nurul Faidzah Ab. Hadi mengenai penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah (2014, p. 60), guru didapati kurang kreatif dalam mengajar aspek sastera dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini boleh dikaitkan dengan aspek kreativiti dalam meneliti bahan sastera. Sama seperti pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera*, guru masih lagi mempunyai kekurangan dalam mengaplikasi cara pengajaran yang pelbagai kerana mempunyai kekangan masa untuk menyelitkan kaedah dan teknik pengajaran Bahasa Iban menggunakan *ensera* menyebabkan pelajar hanya mengetahui serba sedikit ilmu tentang *ensera*. Masalah ini akan memberi impak kepada pelajar apabila mereka menduduki peperiksaan dan boleh menjejaskan pemarkahan sekaligus objektif guru turut terjejas kerana tidak mencapai sasaran dan prestasi sekolah menurun terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Iban.

Dapatan kajian Zurainu Mat Jasin (2012, p. 46) mengulas pendapat daripada Fahriye, Zehra dan Aytengin (2008), teknik pengajaran menggunakan pembelajaran menggunakan model berpusatkan kepada murid. Murid dapat mengorganisasi maklumat dan melakarkan peta konsep mengikut pemahaman konsep masing-masing. Tambahnya lagi, pembelajaran menggunakan teori konstruktivisme mendapati bahawa murid telah dapat mempelbagaikan aktiviti seperti portfolio, kerja kumpulan dan sebagainya. Beliau turut mengulas pendapat daripada kajian yang dilakukan oleh Affendi dan Mohamed Amin (2010), yang menggunakan konstruktivisme dalam merangka kemudahan belajar secara atas talian mendapati bahawa guru lebih mudah memberi maklum balas sekiranya murid didedahkan dengan kaedah pembelajaran konstruktivisme kerana murid dapat membuat pencarian sendiri mengikut kehendak dan kesediaan secara fleksibel. Selaras dengan pendapat ini, kajian pengkaji terhadap penghayatan *ensera* melibatkan sepenuhnya aktiviti bersama pelajar. Ini dapat memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk memberikan pendapat yang mereka ada dan peranan guru sebagai penambah idea tersebut.

Nor Fadilah Binti Nadzri (2017, p. 28) memetik pendapat daripada Shulman (1987) tentang penyediaan perancangan bahawa pengetahuan pedagogi yang dimiliki guru dapat memperkasa pengajaran untuk disampaikan secara berkesan. Kajiannya menerangkan tentang kewujudan pengetahuan yang tersenarai memberi kelebihan kepada setiap guru untuk menghasilkan perancangan yang lebih berkualiti dengan mempratikkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik dalam umur dan aras prestasi pelajar. Meskipun ini menyentuh strategi pendekatan,

kaedah dan teknik namun beliau tidak menjelaskan contoh-contoh kaedah dan teknik pengajaran terutamanya dalam pengajaran sastera. Beliau memfokuskan pengetahuan pedagogi yang perlu ada pada guru agar pengajaran menjadi lebih berkesan. Huraian yang ditegaskan oleh pengkaji ini ialah pengetahuan guru mestilah penuh dengan ilmu pedagogi agar dapat ditakrifkan sebagai guru cemerlang.

Namun begitu masih ada lagi pendapat dari luar negara seperti Ellie Chambers dan Marshall Gregory (2006, p. 25), mengenai kaedah dan teknik dalam pengajaran sastera. Pengajaran sastera perlu diaplikasikan dengan pelbagai cara mengikut kreativiti guru itu sendiri. Guru harus sedar akan perbezaan kekuatan pada diri pelajar dalam menguasai sesuatu. Pedagogi dalam sastera perlu diambil kira pada seorang guru yang mengajar supaya ilmu yang disampaikan berkesan pada diri murid. Kaedah dan teknik seperti membaca teks, tugas kumpulan mampu meningkatkan minat pelajar dalam sastera (Ellie Chambers dan Marshall Gregory, 2006, p. 14). Oleh itu, bimbingan pedagogi sastera ditekankan oleh kedua pendapat tersebut dalam penulisan mereka. Kajian kedua sarjana ini hampir sama dengan kajian yang ingin dibuat oleh pengkaji meskipun tidak menekankan penghayatan dalam pengajaran bahasa iban menggunakan *ensera* tetapi menerangkan cara kaedah dan teknik pengajaran sastera di aplikasi di dalam kelas.

Seterusnya, Amanda Naylor dan Audrey B. Wood (2012, p. 10) berpendapat bahawa mengajar sastera kepada pelajar bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana guru perlu mempunyai pengetahuan sedia ada serta kreativiti mempengaruhi pelajarannya agar tidak hilang tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Jika dilihat daripada aspek yang dibincangkan oleh kedua sarjana ini mengenai puisi atau sastera yang diajar oleh guru Bahasa Inggeris telah memberi idea daripada luar kotak pemikiran amat penting yang perlu dilakukan di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mengasah lagi idea pemikiran pelajar supaya mereka berfikir secara kritis untuk mengabungkan idea dalam teks sastera yang sedia ada dan melahirkan pemikiran baharu. Tidak dinafikan lagi bahawa pernyataan ini memberi panduan yang jelas kepada kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji untuk melihat teknik yang perlu ada dalam pengajaran sastera yang berkaitan dengan penggunaan mengalami-menghayati dalam pengajaran *ensera*.

Menurut Ismaliza Ishak (2015), lakonan merupakan perkataan yang sering disebut, namun tidak begitu mudah untuk diperkatakan dari sudut pengertiannya. Bidang lakonan bermula dari awal kewujudan manusia apabila gerak laku mereka adalah diruntun oleh kehendak-kehendak fizikal dan spiritual. Pelbagai istilah telah diberikan kepada gerak laku yang disebutkan itu. Ismaliza Ishak (2015) mengulas pendapat Saparman Bakri (1982) menyatakan bahawa istilah tersebut bertukar-tukar dari satu generasi ke generasi berikutnya sehinggalah ke hari ini, lakonan telah mengalami satu transformasi. Perubahan ini dilihat melalui penambahan kaedah-kaedah tertentu terhadap gerak lakon tersebut dengan memasukkan unsur-unsur yang membantu lakonan agar lebih bertenaga serta mengandungi keindahan dan kewajaran yang dikehendaki. Dalam istilah sastera lakonan merupakan satu istilah umum yang memberi maksud sebuah pementasan atau persembahan drama atau aksi mimik atau satu genre sastera. Terdapat beberapa bentuk lakonan yang antaranya dipanggil sebagai lakonan secara bisu, lakonan bisu bertopeng, lakonan kronika, lakonan masalah dan lakonan moraliti. Kesemua jenis lakonan ini dipersembahkan dengan penuh jiwa dan perasaan agar isu yang ingin disampaikan dapat diselami oleh penonton (Ismaliza Ishak, 2015).

Sementara itu, lakonan merupakan sebuah pertunjukkan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubungan dengan manusia lain (Faizah Jalal dan Ani Omar, 1985). Lakonan adalah satu bentuk seni yang bersifat dramatik iaitu satu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambah cerita. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu memberi emosi kepada pembaca atau penonton. Kenyataan ini menjelaskan bahawa lakonan memerlukan sekumpulan manusia yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu, pelakon-pelakon mestilah mempunyai kepakaran dan kecekapan tertentu untuk melakukan kegiatan tersebut. Sebagai contohnya, pengarah bertanggungjawab menterjemah dan memberi makna kepada cerita yang hendak diungkapkan oleh penulis. Tambahan pula pengarah perlu meneliti beberapa aspek seperti mendapatkan penghayatan dalam pementasan, aspek pembinaan latar, penggunaan muzik, tatacahaya, kostum, penggunaan pentas dan props untuk menghidupkan jalan cerita. Penonton atau masyarakat akan menilai lakonan dari dua aspek. Aspek pertama ialah skrip. Dalam hal ini, masyarakat dapat menikmati lakonan sebagai hasil pembacaan seperti novel, cerpen dan puisi. Kedua, penonton perlu menikmati lakonan melalui tontonan dengan menyaksikan persembahan-persembahan di pentas-pentas atau melalui siaran televisyen. Ini bermakna lakonan dirakam secara berulang kali bagi mendapatkan sesuatu nilai yang dikehendaki. Pengarah akan melakukan beberapa kali adegan bagi mendapatkan aksi yang dikehendaki dan mengurangkan kesilapan pelakon ketika beraksi. Secara tidak langsung dua aspek tersebut dapat membantu khalayak memahami cerita dengan lebih mudah. Berdasarkan pendapat mengenai definisi lakonan, sudah sepantasnya pengajaran yang melibatkan sastera khususnya seperti pengajaran *ensera* dijadikan sebagai satu seni dalam bidang lakonan disamping belajar menguasai isi pelajaran, menjiwai watak-perwatakan, menceburi bakat sambil berhibur. Dengan itu pengajaran akan menjadi lebih seronok dan berkesan.

Kesimpulannya, pendapat-pendapat sarjana lepas mengenai penghayatan, teknik pengajaran dan makna *ensera* dapat mendorong kajian ini untuk menyelami permasalahan yang terdapat pada penghayatan *ensera* di dalam bilik darjah serta peranan teknik berlakon yang digunakan oleh guru. Dengan adanya kajian lepas, kajian ini mampu untuk meningkatkan lagi cara pengajaran guru dengan menggunakan teknik berlakon dari aspek penyampaian, pementasan, kosa kata dan kreativiti yang dilakukan. Oleh itu, kajian ini amat penting kepada semua pihak baik guru mahupun pelajar bagi mengatur strategi pengajaran dengan lebih teratur, berseni, seronok dan tidak membosankan.

### Metodologi Kajian

Terdapat tiga jenis kaedah penyelidikan yang dimanfaatkan dalam kajian ini iaitu kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian, rakaman video. Kajian lapangan ini amat perlu untuk melihat respons pelajar terhadap ransangan guru dan cara pelajar dapat menghayati *ensera* dalam bilik darjah melalui teknik berlakon. Kaedah-kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat untuk mengumpul data dan mencatat aktiviti penghayatan dan apresiasi *ensera*, jadual waktu pengajaran dan pembelajaran serta jenis-jenis *ensera* yang digunakan dalam kelas. Data analisis dilakukan setelah semua usaha pengumpulan data selesai dilakukan. Pengumpulan data ini dapat memberikan gambaran awal dan mendedahkan secara umum kepada pengkaji melalui maklumat yang ingin diperolehi daripada bahan-bahan melalui pemerhatian yang dibuat. Kemudian data-data tersebut akan dihuraikan secara terperinci melalui bukti-bukti yang telah dianalisis oleh pengkaji berdasarkan penelitian semula melalui rakaman temu bual dan video yang digunakan. Setelah kesemuanya dikumpul, pengkaji

menganalisis data secara bertulis dan dialihkan ke dalam perkataan yang lebih sesuai dan mudah difahami.

Terlebih dahulu pengkaji membuat pemerhatian untuk secara rawak di dalam kelas untuk melihat aktiviti pelajar dan guru dan diberi kebenaran untuk merakam video untuk menambah maklumat supaya dapatan yang diperolehi lebih ringkas dan padat. Kelas yang dipilih adalah secara rawak asalkan kelas tersebut tidak terlibat dengan peperiksaan. Pemerhatian ini telah berjaya dilakukan dan hasil daripada itu, pengkaji akan menghuraikan pada bahagian dapatan. Seterusnya pengkaji mengadakan sesi temu bual bersama guru kerana peranan guru amat penting untuk menjayakan teknik berlakon yang digunakan untuk mengajar *ensera* di dalam kelas. Temu bual didefinisikan sebagai wawancara yang melibatkan satu proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau satu kumpulan kecil secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2018, p. 507). Pengkaji menggunakan soalan temu bual jenis separa berstruktur. Hal ini demikian kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk menanyakan soalan yang lebih mendalam supaya mendapat jawapan yang hendak dikaji. Temu bual separa berstruktur mempunyai ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka dengan ciri-ciri mengarah dan seragam dan soalan-soalan temu bual ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka serta boleh dikembangkan lagi mengikut pengetahuan penemu bual dengan responden (Rosliah Kiting, 2016, p.113-114). Temu bual ini dilakukan dengan mengemukakan turutan soalan, cara soalan yang diajukan dan bentuk soalan boleh berubah-ubah. Hal ini berlaku kerana bergantung kepada reaksi dan maklum balas yang diberi oleh responden kepada penemu bual. Soalan protokol temu bual mempunyai kandungan yang memberi penerangan serta pemilihan dan penyusunan soalan juga diubah mengikut pandangan penemu bual berdasarkan apa yang dirasakan perlu dan bersesuaian pada waktu temu bual dijalankan. Dengan itu, penggunaan jenis temu bual ini lebih fleksibel dan sesuai untuk mendapatkan maklumat lanjut yang lebih mendalam dan membolehkan soalan seterusnya dikemukakan mengikut keperluan kajian secara spontan dan mendalam.

## Dapatan Kajian

### *Menghayati Ensera Menggunakan Teknik Berlakon di dalam Kelas*

#### *Guru 1*

##### *Teknik Berlakon berkumpulan*

Teknik ini dilakukan oleh Guru 1 semasa mengajar di dalam kelas. Lakonan secara berkumpulan adalah satu aktiviti yang sangat digemari oleh pelajar kerana aktiviti ini merupakan satu hiburan dalam pembelajaran. Oleh hal yang demikian lakonan secara berkumpulan boleh dijadikan teknik pengajaran yang menarik kerana pelajar boleh memupuk semangat bekerjasama di dalam pasukan disamping belajar. Rajah 1.1 menunjukkan aktiviti Guru 1 semasa mengajar *ensera*.






**Rajah 1.1 Menghayati *ensera Telichu Telichai***

Berdasarkan pemerhatian di dalam kelas dan rakaman mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Guru 1 dan pelajar, Guru 1 memberi penerangan terlebih dahulu terhadap teks *ensera Telichu Telichai* secara ringkas. Kisah *Telichu Telichai* ialah merupakan hubungan adik-beradik yang sangat akrab dan sanggup berkorban untuk orang kampung untuk mencari sumber makanan. Watak dan perwatakan perlu disampaikan dalam setiap kumpulan mengikut kreativiti yang ada. Kumpulan yang berjaya dipilih akan melakonkan watak dan perwatakan di hadapan kelas dengan dan diberi masa selama 10 minit untuk melakonkan semula secara ringkas. Lakonan dimulakan dengan penuh jiwa dan perasaan. Pelajar lain menjadi penonton untuk menghayati watak yang disampaikan. Selesai sahaja lakonan dipentaskan di hadapan kelas, guru memberi ganjaran kepada para pelajar yang berani dan berjaya mempersembahkan lakonan dengan memberi hadiah. Ini dapat merangsang minat pelajar untuk menghayati *ensera* dan boleh membuang sikap malu pelajar. Selaras dengan pendapat Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Anida Sarudin dan Fadzilah Amzah (2019), pelajar didedahkan dengan elemen-elemen lakonan seperti imaginasi, penggunaan suara, drama, penghayatan dan gerak badan. Ini bermakna penglibatan lakonan dalam setiap kumpulan mempunyai elemen-elemen tersebut untuk mencapai pertumbuhan sendiri pelajar.

## ***Guru 2***

### ***Teknik Berlakon Berpasangan & Kumpulan***

Teknik ini dilakukan oleh Guru 2 semasa mengajar di dalam kelas. Dialog pendek yang telah dikarang oleh Guru 2 digunakan dalam aktiviti ini supaya pelajar dapat membaca dan menghafal dengan lebih cepat. Teknik ini dilakukan secara berpasangan kerana fokus utama pengajaran Guru 2 adalah pada watak hero dan heroin dalam *ensera keling dan kumang* Rajah 1.2 menunjukkan aktiviti Guru 2 semasa mengajar *ensera*.




**Rajah 1.2 Menghayati *ensera Keling* dan *Kumang***

Rajah 1.2 menunjukkan cara Guru 2 menggunakan teknik berlakon dengan menghafal dialog yang telah dibuat olehnya. Guru 2 memilih dua orang pelajar iaitu pelajar lelaki dan perempuan untuk menyampaikan watak hero dan heroin dalam *ensera Keling* dan *Kumang* dan pelajar 10 orang pelajar lagi sebagai pemain muzik dan pelakon tambahan. Persekitaran yang dipilih sangat sesuai kerana Guru 2 menggunakan dua bilik darjah dan waktu selepas persekolahan sebagai kelas tambahan pengajaran *ensera*. Bahan pengajaran *ensera Keling* dan *Kumang* telah disediakan oleh Guru 2 melalui jalan cerita mengikut pengetahuan sedia ada dan ditokok tambah agar berkaitan dengan bidang pengajaran sesuai dengan pelajar. *Ensera Keling* dan *Kumang* melibatkan 12 orang pelajar dan diselitkan persembahan muzik untuk memeriahkan lagi suasana. Penonton terdiri daripada pelajar tingkatan 1 dan 2, serta guru-guru bahasa Iban pula sebagai penilai. Melalui penilaian yang dilakukan oleh juri, Guru 2 dapat mengesan tahap penguasaan pelajar terhadap pengajaran *ensera*. Teknik berlakon secara berpasangan dan kumpulan membenarkan pelakon untuk memainkan watak dengan jayanya menerusi kesan pengaruh kepada minda melalui rangsangan dan respon, kemantapan pembinaan perwatakan watak melalui penciptaan latar belakang cerita, keupayaan mendengar dialog dan memberikan reaksi serta lain lain (Normiha Suraya Ibrahim, 2019, p. 3)

**Guru 3**

**Teknik Berlakon Secara Berpasangan**

Teknik ini gemar di lakukan oleh Guru 3 di dalam kelas semasa mengajar *ensera*. Rajah 1.3 menunjukkan cara penggunaan teknik berlakon secara berpasangan.




**Rajah 1.3 Menghayati *Ensera Duruk Bubut Enggau Ruai***

Berdasarkan rajah 1.3 menunjukkan cara Guru 3 mengaplikasikan teknik berlakon dalam *ensera duruk bubut enggau ruai*. Pertama guru Guru 3 mengarahkan pelajar supaya untuk memahami isi *ensera duruk bubut enggau ruai* secara senyap. Setelah pelajar memahami isi pelajaran, guru memberi arahan supaya pelajar menulis satu dialog berdasarkan teks *ensera* yang diberikan olehnya. Pelajar diberi masa 10 minit untuk membuat dialog mengikut kreativiti dan pemahaman yang diperolehi daripada pembacaan. Dialog yang ditulis oleh pelajar perlu dilakukan di hadapan kelas dan Guru 3 memberikan masa 5 minit untuk dua orang pelajar yang dipilih bagi melakonkan fokus utama dalam *ensera duruk bubut enggau ruai*. Akhir sekali setelah dialog selesai dilakukan Guru 3 memberi kesimpulan terhadap nilai pengajaran dalam *ensera* tersebut sekaligus menajamkan lagi pengetahuan pelajar. Bertitik tolak daripada ini, Guru 3 dapat mengasah bakat pelajar melalui penghayatan pengajaran *ensera* dengan menggunakan dialog dan membantu menajamkan lagi idea terhadap penulisan dialog yang terdapat dalam watak dan perwatakan *ensera duruk bubut enggau ruai*. Selaras dengan penggunaan teori konstruktivisme dalam pembelajaran, mengalami-menghayati dalam mengaplikasikan teknik berlakon pelajar dapat membina pengetahuan sendiri dan guru hanya berperanan sebagai pembimbing secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga pelajar mahir (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdurajak dan Yusmini Md Yusoff, 2017).

#### ***Guru 4***

##### ***Teknik Berlakon Secara Individu***

Guru 4 sering mengaplikasikan teknik berlakon secara individu dalam pengajaran *ensera*. Pelajar memainkan peranan penting semasa melakukan teknik ini. Setiap pelajar diberi watak yang berbeza untuk melakonkan semula di hadapan kelas. Aktiviti teknik berlakon secara individu seperti berikut:



## Peranan Guru 4

### Rajah 1.4 Menghayati *Ensera Apai Sloi*

Rajah 1.4 menunjukkan satu aktiviti menggunakan teknik berlakon secara individu yang diaplikasikan oleh Guru 4 dalam pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera Apai Saloi*. Guru 4 memberikan setiap bahan bacaan yang berbeza kepada pelajar untuk memainkan watak yang ada di dalam *ensera apai saloi*. Setiap pelajar diberi tanggungjawab untuk melakonkan semula watak dengan penuh gaya dan perasaan. Apabila pelajar melakonkan pelajar lain perlu mendengar, memerhati dan memberi soalan serta pengetahuan. Setelah soalan dibina, Guru 4 meminta seorang pelajar yang menjadi pelakon untuk terus berada di hadapan bagi menjawab soalan. Jika wakil pelajar tidak mendapat menjawab, Guru 4 membantu dan pelajar lain akan mencatat maklumat penting yang dihasilkan daripada watak *ensera Apai Saloi*. Setelah aktiviti selesai, Guru 4 merumuskan watak dan perwatakan *ensera Apai Saloi* dengan lebih jelas. Melalui teknik berlakon secara individu, Guru 4 boleh mengasah daya ingatan pelajar dan menimbulkan keseronokkan semasa pelajar serta bakat yang ada pada diri pelajar. Selaras dengan pendapat Vasanthan Gurusamy dan Nadarajan Thambu (2018), pembelajaran melalui teknik berlakon boleh membantu murid-murid meningkatkan tahap kognitif, afektif, tingkah laku moral dan kreativiti dari segi bakat lakonan. Teknik ini juga membolehkan pelajar dapat memberikan inspirasi kepada imaginasi murid dalam membantu mereka meletakkan diri mereka dalam sesuatu situasi.

### Implikasi dan Kesimpulan

Dapatan kajian berkaitan dengan penggunaan teknik berlakon untuk menghayati *ensera* di dalam kelas membuktikan bahawa pelbagai cara seperti teknik berlakon berkumpulan, teknik berlakon berpasangan dan teknik berlakon secara individu memainkan peranan yang sangat penting dan sesuai dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera*. Ini wajar dijadikan medium untuk para guru Bahasa Iban mengajar sastera khususnya dalam pengajaran *ensera* kerana dalam penelitian pengkaji teknik ini menerangkan cara penggunaan yang sangat terperinci, seronok dan tidak membosankan pelajar semasa menguasai isi pelajaran *ensera*. Impikasinya pelajar dapat mengalami dan menghayati sendiri watak, jalan cerita, isi cerita yang terdapat dalam pengajaran *ensera*. Bukan itu sahaja, pelajar juga dapat menilai baik dan buruknya isi yang ada di dalam pengajaran *ensera* dan mereka boleh menjadikan sesuatu yang

baik sebagai panduan hidup. Pentingnya nilai-nilai yang positif mampu melahirkan seseorang pelajar yang berilmu dari aspek pengetahuan, budaya dan adat dan menjadi seorang yang seimbang.

Secara kesimpulan, penggunaan teknik berlakon dalam menghayati pengajaran *ensera* boleh dijadikan sebagai rutin harian pengajaran guru supaya pelajar boleh belajar sambil mengasah bakat dan berhibur semasa belajar. Setelah menguasai isi dalam *ensera*, nilai-nilai murni dapat dikuasai oleh pelajar dengan lebih mendalam. Dengan adanya nilai-nilai murni dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera*, ia boleh dipupuk dalam diri pelajar selaras kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bertitik tolak daripada hal ini, penghayatan dan penikmatan yang disemai dalam diri pelajar boleh memupuk akhlak mulia pelajar sebagai generasi yang berbudi dan kaya dengan ilmu pengetahuan bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungunya”.

### Rujukan

- Amanda Naylor & Audrey B. Wood. (2012). *Teaching Poetry: Reading and responding to poetry in the secondary classroom*. USA and Canada:Library of Congress Cataloging in Publication Data.
- Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. 7 (1). 74-84
- Ellie Chambers & Marshall Geogory. (2006). *Teaching And Learning English Literature*, London:Sage Publication Ltd
- Faizah Jalal & Ani Omar. (1985). Aktiviti lakonan murid bagi pemupukan nilai murni dan perpaduan kaum: Analisis di Pekan, Pahang. *Jurnal Perspektif*. 6 (2), 26-41
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*, Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya
- Ismaliza Ishak. (2015). *Percaya dan Merasai Kebenaran (Pdmk): Strategi Kaedah Lakonan Dalam Monodrama Dan Monolog*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Kamarudin Hj.Husin. (1998). *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*,Selangor Darul Ehsan:Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Magdeline Nor & Zamri Mahamod. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban*, Bangi: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Anida Sarudin dan Fadzilah Amzah. (2019). Kaedah Teater Membaca Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Genre (Drama). *Gendang Alam*. 1-20.
- Nor Fadilah Nadzri. (2017). *Kualiti Amalan Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di MRSM*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Noriah Taslim & Chemaline Osup. (2013). *Ensera Ayor*. Epik Rakyat Iban, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Normiati Batjo dan Abdul Said Ambotang. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 4 (2), 30-42
- Normiha Suraya Ibrahim. (2019). *Aplikasi teknik “repetition exercise” oleh Sanford Meisner dalam lakonan: Analisis terhadap lakonan watak utama - Pey arghh!*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Rosliah Kiting. (2016). *Peranan Pendidikan Talaala dan Cadangan Cara Mewariskannya Dalam Masyarakat Kadazan Dusun*, Sabah: Universiti Malaysia Sabah
- Shamsudin Othman, Ghazali Lateh & Nurul Faizah Ab. Hadi. (2014). Penggunaan gaya bahasa sastra dalam pengajaran bahasa melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4 (1), 2180-4842.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdurajak & Yusmini Md Yusoff. (2017). Pendekatan Konstruktivisme Di Malaysia Dan Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal Terhadap Pengalaman Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*. 2 (1), 23-25.
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2011). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*, Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Vasanthan Gurusamy & Nadarajan Thambu. (2018). Perkembangan Motivasi Moral Murid Melalui Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. 2 (4), 234-250.
- Zamri Mahamod & Jamilah Hassan. (2018). Persepsi guru bahasa melayu tentang penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan komsas. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 6812 (9), 41-40.
- Zurainu Mat Jasin. (2011). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa needham dalam pengajaran komsas bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 79-92. 10.1155/2011/767963.